



21 OKTOBER 2013

Polis Selangor siasat kes curi motosikal

2013/10/21 - 06:48:00 AM

Puchong: Polis Selangor sedang menyiasat jenayah curi motosikal didalangi remaja dan penagih dadah yang dikesan dijual kepada warga asing termasuk pelajar kolej swasta di negeri ini.

Ini berikutan, sebanyak 40 peratus daripada 30,000 anggaran kes keseluruhan indeks jenayah yang dilaporkan di Selangor membabitkan jenayah curi motosikal di kawasan perumahan dan lokasi tumpuan awam.

Ketua Polis Selangor, Datuk Mohd Shukri Dahlan, berkata jenayah curi motosikal dilakukan secara berkumpulan, dijual kepada warga asing antara RM300 hingga RM400 seunit.

Beliau berkata, pihaknya sudah mengarahkan semua Ketua Polis Daerah di Selangor untuk bertindak segera termasuk meminta kerjasama masyarakat bagi membanteras kegiatan berkenaan daripada terus berleluasa.

Jual kepada warga asing

“Siasatan polis juga mendapati kumpulan jenayah curi motosikal berkenaan turut menjual peralatan tertentu motosikal yang dilerai mengikut permintaan pelanggan selain menjual motosikal kepada warga asing.

“Sehubungan itu, antara langkah segera yang diambil ialah meningkatkan rondaan dan mengadakan 130 sekatan jalan raya setiap hari di seluruh Selangor,” katanya. Keadaan ini menyebabkan masyarakat bimbang menjadi sasaran penjenayah.